



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH GAYA KEIBUBAAPAN, SOKONGAN
GURU DAN SOKONGAN RAKAN SEBAYA
TERHADAP KECERDASAN EMOSI
DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN ENAM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SATGUNAWATHY A/P UTHARAPATHI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH GAYA KEIBUBAAPAN, SOKONGAN GURU DAN SOKONGAN
RAKAN SEBAYA TERHADAP KECERDASAN EMOSI
DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN ENAM**

SATGUNAWATHY A/P UTHARAPATHI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH GAYA KEIBUBAAPAN, SOKONGAN GURU DAN SOKONGAN RAKAN SEBAYA
TERHADAP KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM

No. Matrik / Matric's No.: M20211000017

Saya / I : SATGUNAWATHY A/P UTHARAPATHI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam AKTA Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

 TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

 TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

w. Sabara
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. TAJUL ROSLI BIN SHUB
Penyarah Kanan
(Tandatangan Penyarah Kanan / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 9.9.2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam penyelesaian disertasi ini. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Tajul Rosli bin Shuib, penyelia tesis saya, atas bimbingan, sokongan, dan dorongan yang tidak ternilai sepanjang proses penyelidikan ini. Kecemerlangan dan dedikasi beliau telah banyak membantu saya dalam membentuk dan menyempurnakan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Professor Dr. Suppiah a/l Nachiappan dan Dr. Mohd Razimi bin Husin serta semua ahli panel yang telah memberikan komen, cadangan, dan kritikan membina yang telah memperbaiki kualiti kajian ini. Komen dan nasihat mereka telah memberi impak yang besar dalam penyempurnaan tesis ini. Seterusnya, penghargaan saya tujukan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menyediakan segala kemudahan dan sumber yang diperlukan untuk kajian ini. Sokongan yang sangat penting datang daripada Pejabat Pendidikan Daerah Gombak dan pengetua-pengetua Pusat Tingkatan Enam di daerah Gombak. Saya ingin mengucapkan terima kasih yang mendalam kepada mereka atas kerjasama dan keizinan untuk menjalankan kajian ini di sekolah-sekolah di daerah tersebut. Bantuan dan sokongan mereka telah memudahkan proses pengumpulan data dan menjadikan kajian ini lebih bermakna. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang mendalam kepada keluarga saya atas kasih sayang, dorongan, dan sokongan tanpa henti mereka. Sokongan moral dan cinta mereka telah memberikan saya kekuatan dan motivasi untuk menyelesaikan tesis ini. Segala sokongan dan bantuan yang telah diterima sangat dihargai, dan saya berharap hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini berhasrat untuk mengenalpasti hubungan antara faktor persekitaran sosial dalam menentukan kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan pendekatan kuantitatif. Dalam kajian ini, tiga faktor persekitaran sosial telah dikaji untuk melihat hubungan dengan tahap kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam iaitu gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan. Kajian ini juga dapat mengenalpasti pengaruh gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Seramai 210 pelajar Tingkatan Enam dari Pusat Tingkatan Enam dan Kolej Tingkatan Enam daerah Gombak telah dijadikan sebagai responden kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.74), tahap sokongan guru berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.78) dan tahap sokongan rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.95) tetapi lebih rendah berbanding kedua-dua faktor lain. Tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak juga berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min=3.74. Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi pelajar dengan nilai pekali korelasi $r=0.322$, $p<0.01$. Kajian turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan besar yang positif antara sokongan guru dengan kecerdasan emosi pelajar dengan nilai pekali korelasi $r=0.507$, $p<0.01$. Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan antara sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi pelajar. Hasil analisis regresi menunjukkan daripada tiga pemboleh ubah bebas hanya sokongan guru ($R^2=0.257$, $p<0.001$) dan gaya keibubapaan ($R^2=0.275$, $p=0.024$) terdapat pengaruh ke atas kecerdasan emosi. Manakala, sokongan rakan sebaya tiada pengaruh ke atas kecerdasan emosi pelajar. Kesimpulannya, sokongan guru dan gaya keibubapaan adalah faktor utama yang mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam, sementara sokongan rakan sebaya tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan dalam konteks ini. Oleh itu, pihak sekolah harus memfokuskan usaha mereka pada pengukuhan sokongan guru sebagai satu aspek utama dalam program pembangunan emosi pelajar.





THE INFLUENCE OF PARENTING STYLE, TEACHER SUPPORT, AND PEER SUPPORT ON EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG FORM SIX STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between social environmental factors and the emotional intelligence of Form Six students in the district of Gombak, Selangor. It adopts a survey research design with a quantitative approach. Three social environmental factors were examined: parenting style, teacher support, and peer support. The study also investigated the influence of these factors on students' emotional intelligence. A total of 210 Form Six students from Form Six Centres and Form Six Colleges in Gombak participated as respondents. Findings show that the level of parenting style practised by parents was moderately high (mean = 3.74), teacher support was also moderately high (mean = 3.78), and peer support was moderately high (mean = 3.95) but lower compared to the other two factors. The emotional intelligence level of students was likewise moderately high (mean = 3.74). Correlation analysis indicated significant positive relationship between parenting style and emotional intelligence ($r = 0.322, p < 0.01$), and a strong positive relationship between teacher support and emotional intelligence ($r = 0.507, p < 0.01$). No significant relationship was found between peer support and emotional intelligence. Regression analysis showed that only teacher support ($R^2 = 0.257, p < 0.001$) and parenting style ($R^2 = 0.275, p = 0.024$) had a significant influence on emotional intelligence, while peer support did not. In conclusion, teacher support and parenting style are the primary factors influencing the emotional intelligence of Form Six students, whereas peer support has no significant effect. Schools should focus on strengthening teacher support as a key element in emotional development programmes. Training and skill enhancement in emotional support should be provided for teachers to help them offer better guidance and assistance to students.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiv

SENARAI SINGKATAN xv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 18

1.5 Persoalan Kajian 18

1.6 Hipotesis Kajian 19

1.7 Kerangka Konseptual Kajian 20

1.8 Kepentingan Kajian 20

1.9 Batasan Kajian 22

1.10 Definisi Operasional 22

1.10.1 Gaya Keibubapaan 23

1.10.2 Sokongan Guru 26

1.10.3	Sokongan Rakan Sebaya	26
1.10.4	Kecerdasan Emosi	27
1.11	Rumusan	30
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	31
2.2	Latar Belakang Konsep Kecerdasan Emosi	31
2.3	Teori-Teori Berkaitan	34
2.3.1	Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1950)	34
2.3.2	Teori Ekologi	36
2.4	Model-Model Berkaitan	40
2.4.1	Model Kecerdasan Emosi Goleman	40
2.4.2	Model Gaya Keibubapaan Baumrind	44
2.5	Kajian-Kajian Lepas	48
2.5.1	Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Kecerdasan Emosi	48
2.5.3	Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Kecerdasan Emosi	53
2.6	Rumusan	57
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Populasi dan Sampel	60
3.4	Instrumen	61
3.4.1	Soal Selidik Demografi Pelajar	62
3.4.2	Soal Selidik Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar	62
3.4.3	Soal Selidik Gaya Keibubapaan	63
3.4.5	Soal Selidik Sokongan Guru dan Sokongan Rakan Sebaya	64
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	64
3.6	Kaedah Menganalisis Data	65

3.6.1	Analisis Deskriptif	65
3.6.2	Analisis Inferensi	66
3.7	Kajian Rintis	67
3.8	Rumusan	68
BAB 4 ANALISIS KAJIAN		
4.1	Pengenalan	69
4.2	Profil responden	69
4.2.1	Profil responden mengikut kaum	70
4.2.2	Profil responden mengikut pekerjaan ibu	70
4.2.3	Profil Responden mengikut Pekerjaan Bapa	71
4.2.4	Profil Responden mengikut Pendapatan Isi Rumah	72
4.3	Dapatan Kajian	73
4.3.1	Tahap kecerdasan emosi, tahap gaya keibubapaan, tahap sokongan guru dan tahap sokongan rakan sebaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	74
4.3.1.1	Tahap gaya keibubapaan dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	74
4.3.1.2	Tahap sokongan guru dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	76
4.3.1.3	Tahap sokongan rakan sebaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	77
4.3.1.4	Tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	79
4.4	Hubungan antara gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, selangor.	81
4.4.1	Hubungan antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.	82
4.4.2	Hubungan antara sokongan guru dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.	83

4.4.3	Hubungan antara sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.	84
4.5	Pengaruh gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.	85
4.6	Rumusan	88
BAB 5 PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	89
5.2	Tahap gaya keibubapaan, tahap sokongan guru, tahap rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi pelajar dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor	89
5.2.1	Tahap gaya keibubapaan	90
5.2.2	Tahap sokongan guru	91
5.2.3	Tahap sokongan rakan sebaya	92
5.2.4	Tahap kecerdasan emosi pelajar	94
5.3	Peranan ibu bapa, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar	96
5.3.1	Peranan Ibu Bapa terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar	96
5.3.2	Peranan Sokongan Guru terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar	98
5.3.3	Peranan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar	103
5.3.4	Implikasi Teori Ekologi Terhadap Dapatan Kajian	105
5.4	Implikasi kajian	107
5.4.1	Implikasi kepada Negara	108
5.4.2	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	108
5.4.3	Implikasi kepada Jabatan Pendidikan Negeri	109
5.4.4	Implikasi kepada guru	109
5.4.5	Implikasi kepada ibu bapa	111
5.4.6	Implikasi kepada akademik	112
5.5	Cadangan kajian lanjutan	112

5.6	Rumusan	114
	RUJUKAN	116
	LAMPIRAN	122

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Sejarah Perkembangan Kecerdasan Emosi	32
2.2	Teori Perkembangan Psikososial Erikson	34
2.3	Ringkasan Model Gaya Keibubapaan Baumrind	45
3.1	Interprestasi Skor Min	66
3.2	Jenis Analisis untuk Mengkaji Hipotesis Kajian	66
4.1	Profil responden mengikut jantina	70
4.2	Profil Responden Mengikut Kaum	70
4.3	Profil Responden Mengikut Pekerjaan Ibu	71
4.4	Profil Responden Mengikut Pekerjaan Bapa	72
4.5	Profil Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah	73
4.6	Min dan Sisihan Piawai Tahap Gaya Keibubapaan	74
4.7	Min dan Sisihan Piawai Tahap Gaya Keibubapaan mengikut Item	74
4.8	Min dan Sisihan Piawai Tahap Sokongan Guru	76
4.9	Min dan Sisihan Piawai Tahap Sokongan Guru mengikut Item	76
4.10	Min dan Sisihan Piawai Tahap Sokongan Rakan Sebaya	77
4.11	Min dan Sisihan Piawai Tahap Sokongan Rakan Sebaya mengikut Item	78
4.12	Min dan Sisihan Piawai Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar	79
4.13	Min dan Sisihan Piawai Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar mengikut Item	77
4.14	Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Kecerdasan Emosi	83
4.15	Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Kecerdasan Emosi	84
4.16	Hubungan Sokongan Rakan Sebaya dengan Kecerdasan Emosi	85



4.17	Dapatan Analisis Regresi Linear Pelbagai Pengaruh Gaya Keibubapaan, Sokongan Guru dan Sokongan Rakan Sebaya ke atas Kecerdasan Emosi	84
------	--	----





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
-----	----------------------------	----





SENARAI SINGKATAN

IQ	<i>Intellectual Intelligence</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
EQ	Kecerdasan Emosional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Asli
- C Borang Pengesahan Status Disertasi
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman *Abstract*
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Generasi yang ingin dihasilkan dalam abad ke-21 ini ialah generasi yang sanggup menghadapi cabaran dalam kehidupan nyata, serta memainkan peranan dan berdedikasi untuk mengekalkan pembangunan dunia dan menjadikannya sebagai ruang yang lebih baik kepada semua orang (Maimunah Nasir & Hashimah Yunus, 2017). Oleh itu, pembangunan generasi yang mempunyai kecerdasan holistik perlu diberi perhatian. Dipercayai bahawa kemenjadian pelajar mempunyai pengaruh yang besar oleh kecerdasan holistik yang meliputi empat iaitu kecerdasan emosi, kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal dan kecerdasan Rohani (Mohd Nasir Rayung et al., 2018). Kecerdasan emosi merupakan salah satu aspek yang sangat besar peranan dalam mempengaruhi kemenjadian pelajar. Kecerdasan emosi merujuk kepada satu kemampuan seseorang individu untuk memahami dan menguruskan perasaan diri dan individu lain yang dikenali sebagai kemahiran intrapersonal dan interpersonal (Gardner,1993). Kecerdasan emosi terdiri daripada lima dimensi iaitu kemampuan





seseorang untuk mengenali emosi diri, mengurus emosi, memotivasi diri sendiri, mengenali emosi orang lain dan kemampuan membina emosi sosial dengan orang lain. Kecerdasan emosi menjadi aspek yang sangat penting dalam pendidikan.

Sejak zaman dahulu lagi kejayaan seseorang diukur hanya dengan mengambil kira kecerdasan intelektual seseorang pelajar. Kebelakangan ini pelbagai kajian oleh para pendidik dan saintis kognitif membuktikan berbanding dengan kecerdasan intelektual, kecerdasan emosi memberi impak yang tinggi kepada pencapaian akademik. Pelajar yang memiliki kecerdasan emosi yang baik berdaya serta berupaya menangani cabaran dan isu-isu yang dihadapi dengan kreatif dan menguruskan tekanan dengan lebih baik. Berikutan dengan ini prestasi akademik juga turut meningkat. Oleh itu, pada masa kini perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sangat diberi perhatian oleh Kementerian dan juga guru-guru di sekolah. Kurikulum Pendidikan Malaysia juga tidak hanya berfokus dalam melahirkan individu yang pencapaian tinggi dalam pendidikan tetapi bermatlamat melahirkan seseorang individu yang mempunyai perkembangan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial seperti yang dikandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 menekankan kepentingan kecerdasan emosi dalam bahagian aspirasi murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Ekoran daripada itu, sistem pendidikan di Malaysia ingin melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang mempunyai kemampuan untuk memahami dan berkerjasama dengan orang lain secara efektif serta mampu memberikan pengaruh positif kepada orang lain. Matlamat ini hanya boleh dicapai apabila pelajar memiliki





tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Seseorang pelajar dengan kecerdasan emosi yang tinggi dapat mengurus dan memahami perasaan sendiri serta memimpin diri ke arah tingkah laku yang positif. Pembentukan tingkah laku yang positif secara langsung memberi pengaruh positif kepada pencapaian akademik. Goleman (1995) juga menyatakan bahawa penyumbang utama kepada kejayaan seseorang individu terutamanya pelajar adalah tahap kecerdasan emosi. Beliau juga menyatakan bahawa 80% kecemerlangan individu dipengaruhi oleh kecerdasan emosi yang meliputi pengurusan emosi yang baik dan hanya 20% daripada kecerdasan intelek.

Pelajar Tingkatan Enam merupakan pelajar yang terletak di usia remaja. Pada usia ini, perkembangan dan tingkah laku seseorang pelajar dipengaruhi oleh perubahan sosial, keluarga, pendidikan, budaya dan perubahan biologi (Chamizo et al., 2021).

Faktor persekitaran yang meliputi faktor keluarga, guru dan rakan sebaya penting dikaji kerana pada usia ini pelajar banyak menghabiskan masa dengan golongan ini.

Dalam usaha membentuk kecerdasan emosi pelajar keluarga memainkan peranan yang sangat penting. Gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa amat mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang individu termasuk golongan remaja. Kajian lepas yang dijalankan di Malaysia, Iran, China, Sudan, Somalia, Maghribi, United Kingdom, Jerman dan Belanda di kalangan remaja antara 16 hingga 24 tahun mendedahkan hubungan yang signifikan antara peranan keluarga dengan kecerdasan emosi dimana semakin tinggi penglibatan positif keluarga semakin tinggi kecerdasan emosi di kalangan remaja. Kajian ini membuktikan dan memberi kefahaman yang mendalam mengenai pengaruh keluarga terhadap kecerdasan emosi remaja (Alavi et al., 2017).





Selain daripada keluarga, sokongan guru juga memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar. Ketika usia remaja, pelajar banyak meluangkan waktu mereka di sekolah bersama dengan guru-guru mereka dengan mempelajari kemahiran-kemahiran baharu dan hubungan sosial (Alford, 2017). Hubungan yang positif antara guru dengan pelajar merupakan kunci dalam membentuk mempengaruhi perkembangan kesihatan mental (Lippard et al., 2018). Di persekitaran sekolah, tahap sokongan guru iaitu hubungan antara guru dan pelajar dipercayai memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan emosi seseorang pelajar. Hubungan antara guru dengan pelajar boleh dilihat dalam dua bentuk iaitu hubungan yang konflik dan hubungan yang akrab antara dua pihak tersebut. Hubungan yang akrab iaitu hubungan yang rapat antara mereka diindikasikan oleh beberapa petunjuk iaitu kemesraan, kepercayaan, keperihatinan, persefahaman, pengiktirafan, komunikasi terbuka dan kerjasama yang menyebabkan kadar konflik yang rendah (Ng & Yeo, 2018). Kajian-kajian lepas menunjukkan hubungan positif antara guru dan pelajar membantu perkembangan emosi pelajar (Wang et al., 2020; Ng & Yeo, 2020). Dengan ini didapati tahap sokongan guru yang tinggi dapat mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi yang positif dan sebaliknya.

Sokongan rakan sebaya dalam mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang remaja tidak dapat dinafikan. Menurut Berk (1997), rakan sebaya merujuk kepada satu kelompok sosial dimana individu berkongsi nilai dan tingkah laku yang serupa serta mempunyai struktur sosial yang melibatkan pemimpin dengan pengikut. Lazimnya, seseorang individu akan memilih seseorang individu sebagai rakan sebaya yang berkongsi sikap yang sama, tingkah laku dan watak sebagai (Akers et al., 1998).





Sokongan rakan sebaya yang positif membentuk kecerdasan emosi yang tinggi (Mohd Anuar, 2011).

Pada masa kini, perkembangan emosi pelajar yang positif terutamanya dalam kalangan pelajar remaja tidak sebegitu mudah. Bukan semua pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Keadaan ini terjadi kerana persekitaran mereka yang adalah berbeza-beza. Ibu bapa mengamalkan pelbagai gaya keibubapaan yang berbeza yang mempengaruhi tahap kecerdasan emosi yang terbentuk juga berbeza. Hubungan antara guru dengan setiap pelajar juga berbeza dan sebegitu juga hubungan dengan rakan sebaya.

Mengikut penjelasan sudah sepatutnya satu kajian perlu dibuat untuk melihat pengaruh keluarga terutamanya gaya keibubapaan, guru dan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam. Mereka merupakan golongan yang menghadapi peperiksaan yang penting yang menentukan masa hadapan mereka. Pelbagai kajian membuktikan hubungan signifikan antara pencapaian akademik dengan tahap kecerdasan emosi dimana pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi turut mempunyai pencapaian akademik yang tinggi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelajar di Tingkatan Enam kerap menghadapi tekanan akibat peperiksaan STPM sebanyak tiga kali, beban kerja kursus yang banyak dan sukatan pembelajaran yang berat dan padat. Sekiranya pelajar gagal menguruskan emosi dengan baik, mereka





mungkin menghadapi pelbagai masalah seperti kemurungan, penyakit, dan sebagainya. Para guru sering merungut bahawa pelajar Tingkatan Enam banyak mengalami tekanan apabila diberikan beberapa tugas dalam masa yang sama. Keadaan ini berlaku kerana tahap kecerdasan emosi yang rendah yang berpunca daripada ibu bapa yang kurang memberi perhatian dalam membentuk kecerdasan emosi anak.

Dari zaman dahulu lagi dalam perkembangan seseorang individu aspek kecerdasan intelek diberi keutamaan dimana kecemerlangan seseorang hanya diukur berdasarkan kecerdasan intelektual. Tetapi bermula pada 1990-an bermula titik perubahan dimana kepentingan mula diberikan kepada perkembangan kecerdasan emosi individu. Pelbagai kajian terhadap pengaruh kecerdasan emosi telah mula apabila pada tahun 1990 ahli psikologi Peter Solevey dan John Mayer telah menerbitkan kajian bertajuk “Emotional Intelligence” di dalam Jurnal “*Journal Imagination, Cognition, and Personality*” (Priyam Thani & Danu Sharma, 2017). Hasil kajian juga turut menunjukkan hubungan positif antara kecerdasan emosi dengan prestasi akademik, motivasi, tekanan dan tingkah laku. Oleh itu, Sejak kebelakangan ini, dalam sistem pendidikan Malaysia kepentingan telah diberikan kepada aspek kecerdasan emosi pelajar. Sehubungan dengan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan turut bertujuan untuk mengembangkan potensi individu secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Dengan itu, selain berfokus kepada perkembangan kecerdasan intelektual, perhatian juga perlu diberikan kepada perkembangan kecerdasan emosi oleh ibu bapa, guru, sekolah dan juga pihak kementerian.

Ini adalah kesan daripada pelbagai kajian yang membuktikan kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Hasil-





hasil kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai tingkah laku yang positif seperti menjaga emosi, mempunyai hubungan baik dengan orang lain, bermotivasi tinggi dan aspek-aspek ini turut membawa kepada keputusan yang cemerlang. Manakala pelajar-pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah menghadapi pelbagai masalah negatif seperti membunuh diri, gangguan kesihatan mental, masalah disiplin, cepat berputus-asa, kurang bermotivasi dan sebagainya. Misalnya, kajian oleh Mayurie Phutharat Surin & Shahlan Surat (2021), terhadap pelajar sarjana menunjukkan hasil bahawa terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik.

Pada tahun 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bekerjasama untuk menjalankan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 yang berfokus kepada kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan satu daripada lima remaja berumur 13 hingga 17 tahun mengalami kemurungan, dua daripada lima pula mengalami keresahan dan satu daripada sepuluh berdepan dengan stress (Berita Harian Online, 2020). Ini menunjukkan golongan remaja yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua hingga Tingkatan Enam mengalami masalah emosi yang membawa kepada masalah kesihatan mental. Keadaan ini turut akan menjejaskan penglibatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran dan membawa kepada kemerosotan prestasi.

Sistem pendidikan negara yang berkembang dengan zaman yang berkembang pesat menyebabkan pelajar terutamanya pelajar di kelas peperiksaan termasuk pelajar Tingkatan Enam dibebani dengan silibus yang tinggi, kerja pembentangan, kerja





kursus, aktiviti kokurikulum, peperiksaan sebanyak tiga kali dan sebagainya memberi tekanan kepada mereka. Dalam keadaan ini pelajar-pelajar zaman ini perlu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dimana dapat mengenali emosi diri, mengurus emosi, memotivasi diri sendiri, mengenali emosi orang lain dan kemampuan membina emosi sosial dengan orang lain. Ini dapat membawa kepada tingkah laku yang positif yang menjurus kepada kecemerlangan akademik di kalangan pelajar.

Namun, pembinaan kecerdasan emosi yang tinggi bukan semudah itu. Pelbagai pihak seperti keluarga, guru dan rakan sebaya memainkan peranan dalam perkembangan emosi seseorang. Peranan ketiga-tiga pihak perlu diberi perhatian dalam membantu perkembangan kecerdasan seseorang pelajar.



1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Maimunah Nasir (2017), generasi yang ingin dihasilkan dalam abad ke-21 ini ialah generasi yang sanggup menghadapi cabaran dalam kehidupan nyata, serta memainkan peranan dan berdedikasi untuk mengekalkan pembangunan dunia dan menjadikannya sebagai ruang yang lebih baik kepada semua orang. Malaysia memerlukan individu yang berpengetahuan luas, mempunyai kemahiran tinggi, dan mampu menghadapi cabaran dengan tabah serta mencapai kecemerlangan dalam semua bidang, termasuk Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kecerdasan emosi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan generasi yang sebegini.





Kebelakangan ini kepentingan kecerdasan emosi dalam pencapaian akademik, pengurusan tekanan, tingkah laku dan kemahiran insaniah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak (Salovey & Mayer, 1990; Petrides et al., 2004). Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga berhasrat membentuk individu dengan perkembangan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selaras dengan hasrat tersebut, pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, guru dan ibu bapa perlu memberikan perhatian yang mendalam kepada pembentuk kecerdasan emosi selain daripada kecerdasan intelektual dalam usaha membentuk modal insan yang seimbang dan mampu mengurus dan memahami emosinya sendiri serta mengarahkan ke arah tingkah laku yang positif. Apabila terbentuknya tingkah laku yang positif secara langsung dapat memberi kesan positif kepada pencapaian akademik (Pekrun et al., 2002). Dengan ini dapat melahirkan generasi yang menjadi aset kepada pembangunan negara. Dalam hal ini, Gardner (1993) menekankan bahawa kecerdasan emosional merangkumi kemampuan seseorang mengidentifikasi emosi diri, menguruskan emosi diri, memotivasi diri sendiri, memahami emosi orang lain dan kemampuan untuk membina hubungan sosial dengan yang baik dengan orang lain.

Sejak kebelakangan ini pelbagai kajian membuktikan bahawa kecerdasan emosi mempengaruhi pelbagai aspek seperti tingkah laku, pencapaian akademik, kemahiran insaniah, tekanan dan sebagainya. Dalam sistem pendidikan negara pendidikan Tingkatan Enam menjadi pendidikan yang penting untuk meningkatkan taraf pendidikan penduduk kearah yang lebih tinggi seiring dengan program Pra-Universiti yang lain. Pendidikan ini bertujuan untuk menghasilkan pelajar dengan nilai kebolehpasaran yang tinggi dan daya saing yang tinggi dengan harapan dapat





membentuk kepimpinan yang menyokong aspirasi negara melalui pengkhususan, penghasilan nilai kepimpinan dan kemahiran insaniah yang tinggi. Oleh itu, melalui Program Transformasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil satu inisiatif dengan menjenamakan Tingkatan Enam kepada Pusat Tingkatan Enam dan Kolej Tingkatan Enam. Transformasi ini selain daripada bermatlamat untuk memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem dan kualiti pendidikan, ia juga bermatlamat untuk melahirkan generasi yang muda berimpak tinggi, global dan universal dengan harapan mereka membawa kesejatheraan kepada negara (Mohd Syaubari Othman, 2021).

Sungguhpun pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak KPM dan para guru untuk melahirkan pelajar Tingkatan Enam sebagai generasi yang membantu dalam kemajuan diri sendiri, keluarga dan negara tetapi masih terdapat juga pelajar Tingkatan Enam dengan tingkah laku negatif, pencapaian akademik yang lemah, gagal mengurus emosi walaupun pelajar tersebut mempunyai kecerdasan intelektual yang tinggi. Ini menunjukkan selain daripada faktor sistem pendidikan, kualiti pendidikan, kemudahan pendidikan dan tahap kecerdasan intelektual terdapat juga faktor lain mempengaruhi perkembangan pelajar Tingkatan Enam. Menurut Azrinda et al. (2023), pelajar Tingkatan Enam sering menghadapi masalah kebimbangan, seperti kesukaran untuk menumpukan perhatian dalam pelajaran, mudah lupa, sentiasa berpeluh dan merasa resah di dalam kelas. Tahap kesihatan mental pelajar Tingkatan Enam merupakan isu penting kerana akan mempengaruhi prestasi akademik. Kesihatan mental seseorang individu dipengaruhi oleh kecerdasan emosi seseorang. Pelajar yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi cenderung mempunyai tahap kesihatan mental yang baik dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik cemerlang.





Pelbagai kajian membuktikan kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik, kemahiran kepimpinan dan pengurusan emosi. Sebagitu juga di kalangan pelajar Tingkatan Enam dimana pelajar dengan tahap keintelektual yang tinggi tidak semestinya memperolehi pencapaian akademik yang tinggi. Sering dengan ini, didapati pelajar dengan tahap keintelektual yang normal tetapi mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berjaya memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik, tingkah laku yang baik, mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi serta mengurus emosi dengan baik berbanding dengan pelajar yang kecerdasan intelektual yang tinggi tetapi tahap kecerdasan emosi yang rendah.

Kebelakangan ini menjadi rungutan guru-guru Tingkatan Enam bahawa terdapat pelajar Tingkatan Enam yang mudah tertekan apabila dibebani dengan tugas yang banyak kerana lemah dalam pengurusan emosi. Masalah ponteng sekolah dan kadar berhenti daripada pengajian Tingkatan Enam di kalangan pelajar Tingkatan Enam juga turut meningkat. Selain itu, terdapat juga pelajar Tingkatan Enam menunjukkan tingkah laku negatif dan terlibat dalam kes jenayah (Rohana Yusoff & Zaiton Ismail, 2018). Keadaan ini dipercayai mempunyai hubungan dengan tahap kecerdasan emosi pelajar-pelajar tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Nur Shyahirah Mahpis dan Noremy Md Akhir (2020), di sebuah kolej Tingkatan Enam membuktikan pelajar Tingkatan Enam mempunyai masalah gangguan perasaan dan kemurungan iaitu sebanyak 66.9% dan hanya 33.1% pelajar berada pada tahap normal. Daripada 66.9% tersebut 31.5% mempunyai gangguan perasaan, 16.5% tahap kemurungan rendah, 16.5% pada tahap kemurungan sederhana dan 2.4% pada tahap kemurungan teruk. Kemurungan dan gangguan perasaan merupakan salah tanda-tanda kecerdasan emosi





yang rendah. Pelbagai kajian membuktikan kecerdasan emosi yang rendah membawa kepada masalah tekanan yang menjadi punca kemurungan.

Pada 20 October 2020, *Astro Awani* melaporkan satu kes bunuh yang melibatkan pelajar Tingkatan Enam yang membaling pisau kearah adik lelakinya sehingga membawa maut kerana satu perselisihan faham untuk merebut tempat duduk dalam kereta ketika pulang dari sekolah (Astro Awani, 2020a). Pada 3 November 2020, *Astro Awani* juga melaporkan satu lagi kes bunuh yang melibatkan pelajar Tingkatan Enam dimana seorang pelajar perempuan Tingkatan Enam didakwa membunuh rakan sebayanya (Astro Awani, 2020b). Satu lagi kes yang membabitkan pelajar Tingkatan Enam dilaporkan oleh *Berita Harian* pada 12 Februari 2022 dimana Ibu Pejabat Polis Kuala Selangor telah menahan seorang pelajar lelaki Tingkatan Enam selepas disyaki



terbabit dengan kegiatan pecah rumah (Berita Harian, 2022). Dengan ini, didapati masih terdapat juga masalah tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam akibat kegagalan pengurusan emosi. Kegagalan pengurusan emosi berpunca daripada tahap kecerdasan emosi yang rendah. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi seseorang pelajar. Antara faktor yang paling penting adalah persekitaran sosial yang terdiri daripada ibu bapa terutamanya dari segi gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya.

Menurut Azizi Yahaya (2013), keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam menentukan sikap, nilai dan sistem kepercayaan diterapkan dalam minda kanak-kanak. Keluarga juga berfungsi sebagai medan dalam proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli dalam institusi keluarga tersebut. Dalam institusi keluarga ibu bapa merupakan orang yang





bertanggungjawab untuk mencorakkan masa hadapan kehidupan anak-anak termasuk perkembangan emosi anak dengan pengamalan gaya keibubapaan yang baik. Oleh itu, perkara ini harus diberi penelitian untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berguna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Keluarga adalah sekolah pertama kepada anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlulah bijak dalam mengembangkan kecerdasan emosi anak-anak sejak kecil lagi kerana kecerdasan itu akan mengikuti seseorang seumur hidup. Seiring dengan peredaran masa pelbagai faktor keluarga seperti peningkatan kos sara hidup, pekerjaan, pendidikan, kehidupan sosial dan sebagainya menyebabkan ibu bapa tidak dapat meluangkan masa yang mencukupi kepada anak-anak yang memberi impak kepada gaya keibubapaan. Apabila ibu bapa mengamalkan gaya pengasuhan yang negatif ini akan menyebabkan anak-anak berasa kurang kasih sayang, kurang perhatian dan kurang empati yang akhirnya menyebabkan anak-anak membesar dengan perasan ragu dan ketidakpastian, seterusnya memberi kesan negatif kepada perkembangan emosi. Banyak keluarga walaupun ibubapa berjaya dari segi sosial dan ekonomi, namun gagal dalam membina kecerdasan emosi anak-anak mereka akibat daripada kelalaian daripada ibu bapa. Kajian lepas menunjukkan bahawa ketidakupayaan ibu bapa membentuk tingkah laku positif anak-anak akan menjadikan remaja lebih mudah terlibat dalam tingkah laku devian (Syazwana Azizi, 2019). Faktor seperti kurangnya pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti harian anak, komunikasi yang lemah antara ibu bapa dan anak, serta pemberian kebebasan yang berlebihan menyebabkan remaja mencari sokongan emosi daripada rakan sebaya untuk melepaskan tekanan (Siti Aisah Hassan & Yusuf Azizi, 2015). Situasi ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang kurang berkesan boleh menjejaskan pengawalan emosi remaja, seterusnya mempengaruhi kecerdasan emosi





mereka (Siti Aisah Hassan & Yusuf Azizi, 2015). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti pengaruh gaya keibubapaan sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam. Pelajar Tingkatan Enam merupakan golongan yang bakal menjadi sumber manusia dalam pelbagai sektor dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu, sangat penting untuk mengenalpasti punca yang mempengaruhi perbezaan tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar-pelajar ini dalam usaha menangani isu kegagalan pengurusan emosi di kalangan pelajar ini.

Pelbagai kajian pernah dijalankan keatas faktor gaya keibubapaan dalam mempengaruhi kecerdasan emosi. Kajian-kajian tersebut juga menyokong faktor gaya keibubapaan mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar. Menurut Rohayu Isha (2018), gaya keibubapaan yang diterapkan oleh ibu bapa memberi impak terhadap tahap kecerdasan emosi kanak-kanak. Dengan kata lain tahap kecerdasan emosi kanak-kanak bergantung kepada gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa sejak kecil lagi. Oleh itu, pentingnya ibu bapa mengamalkan gaya keibubapaan yang sesuai sejak kecil lagi kerana tahap emosi berkembang pada zaman kanak-kanak mempunyai impak yang besar dan akan berikutan apabila semakin membesar dan juga di sekolah dan universiti pada hari kemudian. Selain itu, Kajian Loy dan Faridah Mydin Kutty (2020), turut menyokong bahawa gaya keibubapaan mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif, autoritarian dan permisif mempunyai hubungan yang signifikan terhadap perkembangan kecerdasan emosi pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengaruh gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian lebih kuat berbanding dengan gaya yang lain. Gaya autoritatif juga merupakan gaya yang dominan dalam kalangan ibu bapa responden.





Melalui kajian ini ibu bapa boleh menyedari dan memilih gaya keibubapaan yang sesuai dalam membentuk kecerdasan emosi anak serta memupuk personaliti dan tingkah laku yang positif. Kajian yang pernah dijalankan sebelum ini tidak hanya terhad kepada pelajar sekolah malah variable juga turut dikaji terhadap mahasiswa/si universiti seperti kajian oleh Masron et.al. (2021).

Selain faktor gaya keibubapaan faktor rakan sebaya dan guru juga didapati memainkan peranan dalam mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang individu. Menurut kajian oleh Mohd Anuar Abdul Rahman dan Norshahril Abd Hamid (2011), mengenai pengaruh persekitaran terhadap perkembangan emosi pelajar menunjukkan adanya hubungan signifikan antara rakan sebaya dengan kecerdasan emosi. Kajian ini meneliti tiga faktor persekitaran iaitu pengaruh rakan sebaya, budaya fakulti dan kolej kediaman.

Daripada ketiga-tiga faktor ini faktor rakan sebaya mempunyai pengaruh yang paling dominan terhadap kecerdasan emosi. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Rozita Wahab dan Mariani Mansor (2017) yang mengkaji hubungan rakan sebaya dan ibu bapa terhadap kecerdasan emosi dengan korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara rakan sebaya, ibu bapa dan kecerdasan emosi.

Satu lagi kajian yang telah dijalankan oleh María Teresa Chamizo-Nieto et al. (2021) untuk mengkaji peranan kecerdasan emosi dan hubungan guru dengan pelajar. Hasil kajian ini menggambarkan, kecerdasan emosi dan hubungan guru-murid dikaitkan secara positif dengan perkembangan ($p < 0.001$). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penting untuk memupuk hubungan guru-murid yang lebih baik, terutamanya dalam kalangan remaja. Ini adalah kerana menurut dapatan analisis pelajar yang mempunyai hubungan yang baik dengan guru mempunyai emosi yang baik dan





ini memberi impak positif kepada kesejahteraan dan prestasi akademik mereka. Sebaliknya pelajar yang kurang hubungan baik dengan guru mempunyai tahap emosi yang rendah dan turut memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa hubungan guru-pelajar yang dingin dan kurang sokongan emosi dalam bilik darjah boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan pencapaian pelajar (Michalle, & Khoo, 2020). Dalam konteks prauniversiti, pelajar Tingkatan Enam dilaporkan mengalami tekanan akademik yang tinggi dan memerlukan sokongan guru bukan sahaja dalam akademik tetapi juga dalam pengawasan emosi (Zarina Ismail & Wan Marzuki Wan Jaafar, 2017).

Selain itu, kurangnya sokongan daripada rakan sebaya turut menyumbang kepada tahap kecerdasan emosi yang rendah kerana pelajar tidak mempunyai tempat untuk berkongsi tekanan, mendapatkan empati atau bertukar strategi daya tindak (Nurul Aini Rahman & Pei, 2019). Oleh itu, perlu kajian untuk melihat sokongan rakan sebaya sebagai faktor kritikal yang mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam di Malaysia.

Walaupun pelbagai kajian yang sedia ada menunjukkan hubungan signifikan antara faktor gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi tetapi setakat ini tiada satu kajian oleh mana-mana penyelidik yang mengkaji hubungan antara faktor-faktor ini terhadap kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam yang bakal menjadi pemimpin dan tenaga buruh negara. Kebanyakan kajian berfokus kepada gaya keibubapaan dan masih kurang kajian sokongan guru dan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar. Kajian terhadap pelajar Tingkatan enam sangat diperlukan kerana mereka merupakan golongan remaja yang menghadapi





pelbagai masalah emosi dan stress kerana beban peperiksaan STPM sebanyak tiga kali, beban kerja kursus yang banyak dan sukatan pembelajaran yang berat dan padat serta tanggungjawab di dalam aktiviti kokurikulum di sekolah yang boleh memberi impak buruk kepada kesihatan mental dan juga pencapaian akademik sekiranya gagal mengurus emosi. Para guru-guru Tingkatan Enam juga berpendapat bahawa kebanyakan pelajar yang tercicir dan tidak dapat keputusan yang baik dalam STPM bukan disebabkan faktor kekurangan kecerdasan intelektual sebaliknya pelajar-pelajar ini walaupun pandai tetapi mudah berputus-asa, cepat tertekan kerana tugas yang banyak seperti kerja kursus, latihan dan aktiviti kokurikulum. Selain itu, pelajar tersebut juga tidak pandai menjalin hubungan yang baik dengan guru serta kurang kemahiran insaniah.



Oleh hal demikian, kajian ini harus dijalankan bagi melihat adakah ketiga-tiga

faktor ini iaitu faktor gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya mempengaruhi kecerdasan emosi di kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor. Maka kajian ini bertujuan bagi mengkaji pengaruh gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya terhadap tahap kecerdasan emosi pada pelajar Tingkatan Enam diperlukan. Dengan ini dapat mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kecerdasan emosi. Dapatan kajian ini akan membantu para ibubapa dan guru dalam membantu memperkembangan tahap kecerdasan emosi pelajar.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mengkaji hubungan antara faktor persekitaran sosial dalam menentukan kecerdasan emosi pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.

Objektif penelitian pengkaji terdiri daripada objektif-objektif berikut: -

- i. Menenalpasti tahap gaya keibubapaan, tahap sokongan guru, tahap sokongan rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi pelajar dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.
- ii. Menenalpasti hubungan antara gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.
- iii. Menenalpasti pengaruh gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya terhadap kecerdasan emosi pelajar dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam daerah di Gombak, Selangor.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap gaya keibubapaan, tahap sokongan guru, tahap sokongan rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.





- ii. Adakah wujud hubungan antara gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.
- iii. Adakah terdapat pengaruh gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.

1.6 Hipotesis Kajian

Antara hipotesis kajian yang dijangka oleh pengkaji ialah: -



Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.


Ha2: Terdapat pengaruh yang signifikan antara gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak, Selangor.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan Rajah 1.1, pengkaji mempertimbangkan faktor persekitaran dalam menentukan tahap kecerdasan emosi pelajar sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Mengikut konsep ini, pengkaji telah mengkaji gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya sebagai pemboleh ubah tidak bersandar, manakala pemboleh ubah bersandar adalah tahap kecerdasan emosi yang dipengaruhi oleh tiga pemboleh ubah tersebut.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai nilai yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji boleh menggariskan beberapa kepentingan utama dalam kajian ini. Dapatan kajian ini memberi kesedaran kepada pelbagai pihak iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia,



guru dan ibubapa. Hasil kajian ini dapat menjelaskan kepada KPM kepentingan peranan keluarga dalam membentuk kecerdasan emosi di kalangan pelajar. Dengan ini KPM dapat merancang pelbagai program khas untuk ibu bapa untuk mendidik dan membimbing mereka terutamanya dari segi gaya keibubapaan yang betul. Dengan ini ibu bapa dapat menimba ilmu dan berketerampilan dalam konteks membangunkan kecerdasan emosi pelajar.

Selain itu, kajian ini juga memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai peranan mereka dalam membentuk kecerdasan emosi anak-anak. Masih terdapat ibu bapa yang tidak menyedari bahawa keluarga mempunyai peranan dalam mengembangkan emosi anak-anak. Apabila mereka mengetahui dan menyedari hal ini maka ini akan menggalakkan mereka mengatasi kelemahan yang wujud dalam keluarga terutamanya dari segi gaya keibubapaan yang memberi kesan negatif kepada perkembangan emosi ibu bapa. Selain itu, ibu bapa juga dapat memahami harapan para guru dalam membentuk kecerdasan emosi dan berkerjasama antara satu sama lain. Ini dapat mengelakkan menunduk jari kepada orang lain.

Kajian ini juga penting kepada guru-guru untuk memahami punca masalah emosi dalam kalangan pelajar. Apabila guru memahami latar belakang pelajar terutamanya dari aspek keluarga maka ini membantu guru-guru memahami dan mengambil pendekatan yang sesuai di sekolah dalam memperkembangkan tahap emosi pelajar. Selain itu, guru juga dapat mendekati ibu bapa dan memberi bimbingan kepada ibu bapa yang mempunyai pelajar yang bermasalah emosi dalam usaha membina kecerdasan emosi pelajar terlibat. Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi panduan





kepada guru-guru dan memberi kesedaran mengenai kepentingan hubungan positif antara pelajar dengan guru.

Kajian ini juga penting kepada pengkaji sendiri kerana dapat memberi satu gambaran mengenai peranan keluarga dalam membentuk kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Dengan ini, pengkaji sebagai pendidik dapat memberi tumpuan dalam perkara ini apabila mendidik anak murid.

1.9 Batasan Kajian

Pengkaji membatasi kajian ini hanya kepada satu daerah sahaja di Selangor iaitu di daerah Gombak. Kajian ini juga hanya terbatas kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam tanpa mengambil pelajar arus perdana. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik.

Darisegi skop kajian, walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar pengkaji membataskan dengan tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu gaya keibubapaan, sokongan guru dan sokongan rakan sebaya.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini ada empat definisi operasional yang digunakan oleh pengkaji. Antaranya adalah gaya keibubapaan, guru, rakan sebaya dan kecerdasan emosi.





Pemahaman terhadap definisi operational kajian sangat penting dalam membuat kajian kerana membuat hala tuju kajian tepat kepada masalah kajian.

1.10.1 Gaya Keibubapaan

Keluarga memainkan sumbangan besar dalam membentuk persekitaran sama ada yang membentuk perkembangan kecerdasan emosi atau menghalang perkembangan kecerdasane emsoi anak-anak. Ibu bapa sebagai yang menjadi ketua keluarga mengamalkan pelbagai jenis gaya keibubapaan yang memberi impak kepada perkembangan kecerdasan emosi anak. Gaya keibubapaan memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi kehidupan sosial seseorang individu sejak kecil hingga remaja. Menurut, Baumrind (1971), gaya keibubapaan dikonsepsikan sebagai sikap atau corak ibu bapa terhadap anak yang membentuk emosi anak berdasarkan sikap ibu bapa. Gaya keibubapaan berbeza dengan amalan keibubapaan kerana ia mencerminkan cara ibu bapa berinteraksi dengan anak dalam pelbagai situasi.

Model Baumrind mengklasifikasikan gaya keibubapaan kepada tiga kategori utama iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Menurut Baumrind (1971), Gaya keibubapaan autoritarif merujuk kepada sikap ibu bapa yang menetapkan garis panduan yang jelas, munasabah dan melaksanakan kawalan yang boleh dipercayai. Gaya ini melibatkan penerapan peraturan dan hukuman kepada anak-anak, namun ibu bapa tetap memberi ruang kepada anak untuk memberikan pandangan mereka mengenai isu tertentu. Akan tetapi, tidak semua pandangan yang diberi akan diterima. Sebaliknya, ibu bapa akan menggalakkan anak belajar melalui pemahaman dengan cara *role*





modeling. Ibu bapa dengan gaya ini sentiasa menghormati perasaan anak, idea anak dan sikap. Ibu bapa, yang mengamalkan gaya ini, cenderung mempunyai kemahiran asuhan yang baik dan kawalan sederhana untuk membolehkan individu tersebut menjadi lebih progresif. Pelbagai kajian membuktikan pengamalan gaya keibubapaan ini dapat melahirkan individu dengan tahap kecerdasan emosi yang tinggi.

Gaya yang seterusnya adalah gaya keibubapaan autotarian yang merujuk kepada ibubapa yang menetapkan perintah dan peraturan yang tetap kepada anak-anak tanpa perbincangan (Baumrind, 1971). Dalam gaya ini, ibu bapa jarang melakukan rundingan dan tolak ansur. Ibu bapa dengan gaya ini juga kurang melibatkan anak-anak mereka dalam penyelesaian masalah. Ibu bapa ini mengamalkan kuasa autoriti yang berlebihan sehingga kurang memberi sokongan dan keberanian kepada anak mereka dengan harapan kata-kata mereka mesti diterima dan dipatuhi oleh anak-anak. Ibu bapa ini jarang mengamalkan unsur-unsur hiburan, menunjukkan kasih sayang atau memuji anak. Remaja yang dibesarkan dengan gaya asuhan ini cenderung mengalami emosi negatif termasuk pemikiran negatif, kecenderungan untuk memberontak, sifat pendendam, bimbang, cemas, kluatir, pendiam, pemalu, mempunyai keyakinan diri rendah dan kurang motivasi untuk berdikari (Nor Hamizah & Nur Alya bt Hashim, 2022).

Menurut Baumrind (1971), gaya keibubapaan permisif adalah gaya keibubapaan yang dicirikan oleh permintaan yang rendah tetapi responsif yang tinggi. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini bersifat penyayang dan bersabar serta memberikan sedikit panduan dan peraturan. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini tidak menuntut tingkah laku yang matang daripada anak-anak mereka dan beinteraksi dengan





anak-anak seperti seorang rakan. Dalam gaya ini ibu bapa tidak menunjukkan ketegasan yang tinggi, mudah memaafkan, dan memberikan peluang. Walaupun, ibu bapa dalam gaya keibubapaan ini tetap memberikan hukuman dan bentuk hukuman yang dikenakan mungkin tidak tetap dan bersifat longgar. Kanak-kanak yang dibesarkan di bawah gaya asuhan ini digalakkan meluahkan perasaan mereka. Kajian Abdul Adib et al. (2017), menunjukkan hasil dapatan bahawa pengamalan gaya keibubapaan permisif tidak menyumbang kepada kecerdasan emosi remaja.

Dalam konteks kajian ini, Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menilai gaya keibubapaan secara kategori, sebaliknya hanya menumpukan kepada tahap pengamalan gaya keibubapaan secara keseluruhan dalam kalangan ibu bapa pelajar Tingkatan Enam. Tahap gaya keibubapaan dalam kajian ini ditentukan melalui skor keseluruhan instrumen soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan dimensi kawalan, sokongan, kehangatan emosi dan autonomi. Skor yang tinggi mencerminkan tahap gaya keibubapaan yang positif yang mendekati ciri-ciri positif gaya autoritarif manakala skor yang rendah mencerminkan tahap gaya keibubapaan yang kurang positif yang mendekati ciri-ciri gaya authoritarian dan permisif.

Oleh itu, definisi operasional tahap gaya keibubapaan dalam kajian ini merujuk kepada tahap kekerapan dan keberkesanan pengamalan corak didikan ibu bapa sebagaimana dilaporkan oleh pelajar Tingkatan Enam di daerah Gombak.



1.10.2 Sokongan Guru

Sokongan guru merujuk kepada bantuan berbentuk emosi, kepercayaan, empati, perhatian dan hubungan interpersonal yang diberikan oleh guru kepada pelajar dalam usaha membantu perkembangan emosi dan kesejahteraan pelajar (House, 1991). Menurut Wentzel (2009), guru yang berkesan ialah guru yang menjalin hubungan yang rapat, selamat dan boleh dipercayai serta mampu menyediakan sokongan emosi bagi menyokong perkembangan sosioemosi, tingkah laku positif dan motivasi pelajar.

Dalam kajian ini, sokongan guru ditakrifkan secara operasional sebagai tahap persepsi pelajar Tingkatan Enam terhadap sokongan emosi dan hubungan positif yang diberikan oleh guru-guru mereka, khususnya dari segi keprihatinan, dorongan, komunikasi mesra dan kesediaan guru membantu dalam menangani cabaran emosi pelajar. Tahap sokongan guru diukur melalui skor keseluruhan instrumen soal selidik yang terdiri daripada item-item berkaitan bimbingan, empati, komunikasi serta interaksi guru–pelajar. Skor yang tinggi menunjukkan tahap sokongan guru yang positif dan mencukupi, manakala skor yang rendah mencerminkan tahap sokongan guru yang tidak memadai atau negatif.

1.10.3 Sokongan Rakan Sebaya

Sokongan rakan sebaya merujuk kepada interaksi sosial dalam kalangan remaja yang menyediakan bantuan emosi, kepercayaan, keseronokan berkongsi, penerimaan sosial serta sokongan tingkah laku antara satu sama lain (Berk, 1997). Rakan sebaya



memainkan pengaruh yang kuat dalam perkembangan emosi remaja, memandangkan mereka banyak berkongsi nilai, perasaan dan pengalaman harian (Akers, Jones, & Coyle, 1998).

Dalam kajian ini, sokongan rakan sebaya ditakrifkan secara operasional sebagai tahap persepsi pelajar Tingkatan Enam terhadap bantuan emosi, penerimaan, galakan, empati dan persahabatan positif yang diterima daripada rakan sebaya mereka, yang dipercayai dapat mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar. Tahap sokongan rakan sebaya diukur berdasarkan jumlah skor instrumen soal selidik yang merangkumi item-item berkaitan penerimaan sosial, perkongsian perasaan, sokongan dalam menghadapi tekanan dan hubungan rapat dengan rakan. Skor yang tinggi menunjukkan tahap sokongan rakan sebaya yang positif dan kukuh, manakala skor yang rendah menunjukkan tahap sokongan rakan sebaya yang lemah atau negatif.

1.10.4 Kecerdasan Emosi

Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosional adalah kemampuan khusus yang terdapat pada seseorang individu dalam memotivasi diri sendiri, bertahan menghadapi kegagalan, mengendalikan emosi dan mengurus keadaan keseronokan atau ketenangan perasaan. Menurutnya, kecerdasan emosional seseorang boleh menyesuaikan emosinya pada tahap yang sesuai, memilih kepuasan yang tepat dan mengendalikan perasaan dan emosi mereka dengan efektif. Menurut Suppiah Nachiappan (2008), kecerdasan emosi Goleman dibahagikan kepada lima konstruk yang dapat menyumbang sebagai panduan untuk meraih kejayaan dalam kehidupan seharian.





Konstruk yang pertama ialah kemampuan mengenali emosi diri. Kemampuan mengenali emosi diri merujuk kepada keupayaan seseorang individu dalam mengidentifikasi perasaan mereka sendiri semasa perasaan itu timbul. Pada tahap ini, seseorang individu harus secara konsisten memerhatikan perasaan mereka agar dapat membentuk kefahaman psikologi dan kesedaran diri. Jika seseorang tidak dapat menghargai perasaan diri sendiri, individu tersebut kemungkinan akan dikuasi oleh emosi mereka. Keadaan ini boleh mengganggu proses pengambilan Keputusan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Sebaliknya, apabila seseorang individu yang berjaya mengenali emosinya diri sendiri individu tersebut dapat membuat keputusan dengan kukuh dan baik.

Konstruk yang kedua ialah kemampuan mengurus emosi. Kemampuan mengurus emosi merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk mengawal perasaan diri sendiri agar tidak meletus agar boleh menghindar daripada tingkah laku yang negatif. Seseorang yang mahir dalam mengurus emosi dapat mencari hiburan semasa berasa sedih, mengendalikan diri dengan baik dalam keadaan kecemasan dan kemurungan seta cepat pulih daripada sebarang keadaan. Manakala individu yang kurang mahir dalam menguruskan emosi akan berhadapan dengan perasaan murung. Individu tersebut juga sentiasa melarikan diri daripada situasi negatif yang boleh menyebabkan masalah.

Konstruk yang ketiga ialah kemampuan motivasi diri. Kemampuan motivasi diri merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk memberi dorongan kepada diri sendiri untuk mencapai sesuatu. Dengan memotivasikan diri sendiri seseorang individu melihat sesuatu yang berlaku dari segi perspektif. Seseorang dengan





kemampuan ini mempunyai harapan tinggi untuk melakukan sesuatu dengan semangat yang kuat dalam melakukan sesuatu aktiviti termasuk dalam pembelajaran, bekerja, menolong orang lain dan sebagainya.

Konstruk yang keempat ialah kemampuan mengenali orang lain. Kemampuan ini adalah memampukan untuk mengenali perasaan dan emosi orang lain. Anak-anak yang memiliki kemampuan berempati mampu memahami perasaan seseorang seperti nada bicara, gerak-geri mahu pun gambaran wajah. Anak-anak yang dapat menyesuaikan diri dalam mana-mana situasi biasanya disukai orang lain. Sebaliknya, anak-anak yang tidak dapat mengatur emosinya sendiri seringkali sukar untuk menghormati perasaan orang lain.



Konstruk yang kelima ialah kemampuan membina hubungan. Kemampuan

untuk mengurus emosi orang lain yang mempunyai keterampilan sosial yang tinggi yang membawa kepada pergaulan yang lebih baik. Seseorang dengan kebolehan ini cenderung mempunyai lebih ramai kawan dan terkenal kerana pandai bergaul. Apabila seseorang gagal mempunyai kemampuan ini menyebabkan mereka menghadapi kesulitan dalam hubungan sosial dan sering dianggap bahawa seseorang yang angkuh, mengganggu dan tidak perasaan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengambil kelima-lima konstruk untuk mengukur kecerdasan emosi pelajar.





1.11 Rumusan

Sebagai rumusan, kecerdasan emosi didapati sangat penting dalam mempengaruhi kejayaan seseorang individu bukan sahaja di dalam akademik malah juga dalam bidang-bidang yang lain. Bagi memastikan pelajar memperolehi keputusan yang cemerlang ibu bapa tidak seharusnya hanya berfokus kepada perkembangan intelektual anak-anak mereka tetapi sangat perlunya fokus terhadap perkembangan emosi anak-anak. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kecerdasan emosi pelajar. Ibu bapa pelajar Tingkatan Enam kurang mempunyai kesedaran mengenai kepentingan dalam membentuk kecerdasan emosi kerana dianggap mereka sudah matang. Keadaan ini menyebabkan selalunya pelajar-pelajar ini diabaikan dan perkembangan emosi mereka merosot. Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa pelajar Tingkatan Enam.

